

Tenaga Menjana Pembangunan

Pembangunan Tenaga Mampan serta
Sistem Tenaga yang Efisien lagi diyakini untuk Sarawak

Pembangunan tenaga di Sarawak dilakukan secara holistik, mengimbangi jaminan tenaga, kelestarian serta kemampuan untuk memenuhi permintaan semasa dan akan datang. Setiap projek dilaksanakan bagi menepati objektif paling utama – menjamin akses penuh sumber bekalan elektrik 24 jam sehari untuk rakyat Sarawak, selain cita-cita Negeri ini sendiri untuk menjadi sebuah negeri membangun menjelang tahun 2030 di bawah Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE).

Dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri, Sarawak Energy serta anak-anak syarikatnya bertanggungjawab untuk memastikan kelangsungan objektif ini dan pada masa sama diamanahkan untuk melindungi sumber mudik, juga merancang dan membina infrastruktur untuk penjanaan, pemancaran, pengagihan serta peruncitan tenaga elektrik. Semua ini dilaksanakan di bawah bimbingan Kerajaan Negeri, dalam lingkungan rangka kerja yang dikawal selia Kementerian Utiliti.

Usaha ini diketuai pasukan pengurusan yang mantap, selain tenaga kerja dari pelbagai disiplin yang komited dalam menyediakan tenaga yang boleh dipercayai, boleh diperbaharui dan mampu milik untuk memajukan Sarawak. Tenaga kerja ini sedang bersedia untuk menguasai pelbagai portfolio yang semakin bertambah selaku rakan kongsi kepada usaha Sarawak untuk mewujudkan ekonomi digital. Tidak lupa peluasan perniagaan di rantau ini sebagai penjana tenaga utama ASEAN, lebih lagi rentetan kejayaan mengeksport tenaga ke Kalimantan Barat pada 2016.

Bagi memastikan Sarawak Energy sentiasa selangkan ke hadapan, seiring perubahan dunia serta harapan yang semakin meningkat, Sarawak Energy telah melakukan naik taraf infrastruktur elektrik di Sarawak bagi memodenkan sistem sumber tenaga syarikat milik negeri ini. Ia juga sentiasa menyesuaikan diri, dengan mengubah kedudukannya sebagai unit tenaga tempatan yang berpangkalan di Kuching, kepada menjadi sebuah syarikat pembangunan tenaga. Pada masa sama berperanan sebagai utiliti bekalan elektrik bersepadu kepada pelanggan dan rakan kongsi antarabangsa dalam abad terakhir sejak ia mula beroperasi. Selaku duta progresif dan moden buat Sarawak, transformasi yang dilakukan terus memfokus kepada mencapai kecemerlangan dari segi kesihatan, keselamatan dan alam sekitar; dalam penjanaan dan operasi serta pengurusan bakat yang didorong budaya korporat progresif.

Justeru, di sebalik usaha peluasan besar-besaran yang dilakukan, pelanggan Sarawak Energy berupaya untuk terus menikmati tarif elektrik pada kadar terendah di Malaysia, juga di kalangan negara Asia Tenggara. Ini hasil langsung daripada fokus berpandangan jauh terhadap tenaga hidro yang boleh diperbaharui dan mampu milik, sebagai bahagian paling utama dalam kepelbagaian penjana di Sarawak. Sumber thermal juga terus kukuh sebagai salah satu penjana yang berupaya memenuhi jaminan bekalan tenaga elektrik.

Mengimbas Kembali 2017

Diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan yang baru, Sharbini Suhaili, tahun 2017 menyaksikan pencapaian amat memberangsangkan dengan Sarawak Energy mengambil alih Stesen Janakuasa Hidro Elektrik Bakun, mengembangkan pangkalan pelanggannya kepada 650,000 akaun, mengukuhkan tenaga kakitangan kepada 5,000 orang, serta membantu kerajaan meningkatkan liputan kadar elektrik Sarawak kepada 95%.

Malah bahagian kritikal bagi projek penjanaan 500kV tunjang kedua berjaya dilengkapkan, sekaligus mengurangkan risiko gangguan bekalan utama terhadap kawasan berpopulasi tinggi terutamanya di selatan Sarawak.

Selain itu, Baleh HEP bakal terlibat dalam pembinaan, menerajui usaha mengkaji penggunaan hidrogen serta sel bahan api bagi kegunaan pengangkutan awam, serta meneroka cara untuk meningkatkan infrastruktur digital negeri sebagai sebahagian daripada usaha mencapai Ekonomi Digital.

Transmisi dan Pengagihan

Sarawak Energy telah melaksanakan pelaburan yang sewajarnya dalam projek pemancaran dan pengagihan bagi memastikan tenaga disalurkan kepada pelanggan terjamin dan berterusan. Ini termasuk salah satu projek infrastruktur grid negeri paling penting yang sudah dilaksanakan – system tunjang kedua 500kV bernilai RM3 bilion untuk membekalkan Sarawak dengan grid pemancar kedua. Grid baru ini menyalurkan elektrik dari loji penjanaan tenaga besar di utara Sarawak ke pusat pengumpulan, di mana pelanggan SCORE tertumpu, selain kawasan berpopulasi tinggi di bahagian selatan Sarawak iaitu Kuching dan Sibu.

Sehubungan itu, sekitar RM300 juta dibelanjakan setiap tahun bagi mengukuhkan sistem pengagihan yang bertindak mengubah tenaga bervoltan tinggi dari grid negeri kepada tenaga bervoltan sederhana dan rendah melalui pencawang, sebelum diagih dan disalurkan kepada pelanggan individu.

Dalam pada itu, sebanyak RM50 juta daripada jumlah keseluruhan itu dibelanjakan untuk menyelenggara pencawang asas dan kabel talian atas, termasuk memastikan kemudahan ini bebas daripada sebarang tumbuhan. Baki peruntukan itu digunakan untuk membina pencawang pengagihan, memasang kabel elektrik baru serta menaik taraf transformer dan kabel talian atas .

Power to Grow
www.sarawakenergy.com.my



Menteri Utiliti Sarawak YB Dato Sri Dr Stephen Rundi merasmikan pembukaan 275kV Pencawang Simpang Murum bulan September tahun ini dan disaksikan oleh Datuk Liwan Lagang, Menteri Muda Bekalan Air; Dr Abdul Rahman Junaidi, Menteri Muda Elektrik Luar Bandar dan Dato Alice Jawan, Setiausaha Tetap Kementerian Utiliti.

Tenaga Boleh Dipercayai, Mampu Milik, Boleh Diperbaharui dan Lestari untuk Sarawak, juga Pengguna Luar

Permintaan tetap untuk tenaga elektrik daripada pelanggan domestik, komersial dan perindustrian Sarawak Energy telah berkembang dari hanya 1,000MW pada 2009 kepada hampir 3,500MW hari ini. Sebahagian besar peningkatan ini didorong oleh SCORE, dengan 2,000MW daripada permintaan tetap itu termasuk dalam perjanjian SCORE dengan pelanggan tempatan dan antarabangsa.

Menjelang tahun 2020, permintaan tenaga Sarawak diunjurkan meningkat kepada 4,100MW, sebelum terus bertambah kepada 6,500MW menjelang 2025. Jumlah permintaan elektrik dijangka melonjak kepada 8,000MW pada 2030 tatkala KDNK Negeri berkembang lima kali ganda; dengan kira-kira 1.6 juta pekerjaan baru diwujudkan setelah SCORE beroperasi sepenuhnya.

Sarawak cukup beruntung, dikurniakan dengan pelbagai sumber asli yang berupaya memenuhi permintaan meningkat dengan menggunakan sumber hidro, arang batu, dan gas mengikut amalan antarabangsa yang terbaik. Manakala, dengan memanfaatkan sumber bahan api fosil yang banyak, Sarawak Energy terus berusaha untuk membina Loji Tenaga Arang Batu Balingian 600MW selain peluasan Stesen Tenaga Tanjung Kidurong di Bintulu, juga Loji Gas Kitaran Bersepadu 400MW.



Gambaran artis untuk Loji Hidro Elektrik Baleh yang di jangka siap pada 2025



Pencawang Simpang Murum mengintegrasikan penjanaan tenaga dari Murum dan Bakun ke Grid utama negeri



Loji Tenaga Arang Batu Balingian 600MW yang di jangka mengeluarkan tenaga pada 2018



Menjana tenaga untuk memajukan industri intensif di Kawasan Perindustrian Samalaju

Pencapaian Utama



Memajukan sumber tenaga hidro

Pembangunan HEP telah mempercepatkan pembangunan infrastruktur di kawasan-kawasan luar bandar seperti Ulu Belaga dan Batang Ai dengan rangkaian jalan-jalan raya yang lebih baik , kemudahan-kemudahan awam yang lebih baik dan pusat-pusat bandar bagi masyarakat yang sebelum ini terasing di pedalaman. Selepas pengambil-alihan Stesen Janakuasa Hidro Elektrik Bakun yang berkapasiti 2,400MW, Sarawak Energy kini mempunyai tiga Stesen Janakuasa Hidro elektrik (HEP). Jumlah ini akan menjadi empat selepas Stesen Janakuasa Hidro Elektrik Baleh 1,285MW siap dibina menjelang tahun 2025.

Pemilikan HEP Bakun membolehkan Kerajaan Negeri Sarawak dan Sarawak Energy untuk mempunyai pemilikan penuh kepada semua kemudahan penjanaan elektrik di Sarawak bagi memberi jaminan tenaga berterusan dan sistem tenaga elektrik yang lebih efisien menerusi intergrasi HEP Bakun dan Murum.

Pencapaian Utama



Tunjang Transmisi Kedua 500kV

Usaha Sarawak Energy untuk memodenkan sistem tenaga Sarawak melalui pencapaian penting, hasil pelaksanaan dan penghidupan tunjang transmisi 500kV melibatkan bahagian Similajau ke Mapai, serta bahagian Mapai ke Entinggan, masing-masing pada 30 June dan 28 Ogos tahun ini.

Talian-talian transmisi baharu ini akan mengukuhkan Grid Negeri, mempertingkatkan sistem bekalan tenaga, terutama di bahagian selatan Sarawak.

Namun, di sebalik kebaikan yang bakal dibawa kepada umum, projek ini terpaksa ditunda beberapa kali, antara faktor lain melibatkan permohonan izin serta isu pemilikan tanah walaupun kerjasama pelbagai pihak berjaya menghasilkan beberapa penyelesaian.



Ketua Menteri Sarawak bersama dengan Timbalan Ketua Menteri 1 dan Menteri Utiliti Sarawak semasa pembukaan rasmi stesen kuasa solar di Rumah Irai, Sungai Binyo di Sebauh



Sistem perumahan solar yang di guna oleh penduduk di Batang Ai yang di bina bersama program tanggungjawab sosial korporat Sarawak Energy

Meningkatkan Pengalaman Pelanggan

Pelanggan Sarawak Energy ketika ini memanfaatkan sepenuhnya inovasi teknologi serta usaha pendigitalan untuk terus meningkatkan pengalaman pengguna. Pada masa sama, memenuhi kehendak berbeza melalui beberapa cara utama. SEB Cares menyediakan penyelesaian sehenti melalui aplikasi mudah alih buat pelanggan berhubung dengan Sarawak Energy melalui telefon pintar mereka. Aplikasi itu membolehkan pelanggan membuat aduan, menerima notifikasi, mengetahui butiran bil terkini, dan melaksanakan pembayaran.

Kiosk pembayaran juga terdapat di beberapa pusat perkhidmatan mereka, bagi mengurangkan kesesakan di kaunter pembayaran. Sarawak Energy juga telah mewujudkan Pusat Perkhidmatan Pelanggan yang beroperasi 24jam sehari, 7 hari seminggu, 365 hari setahun di dua lokasi (Kuching dan Miri), untuk menerima panggilan pelanggan dengan pantas. Pusat perkhidmatan Sarawak Energy dalam negeri ini juga terletak di Pusat Transformasi Bandar (UTC).

Sarawak Energy juga diletakkan dalam keadaan bersedia setiap masa bagi memastikan proses pemulihan yang cepat akibat sebarang gangguan bekalan. Mobile Field Force Automation (MFFA) pula bertindak memantau dan menjejaki tempoh yang diambil krew teknikal yang bertugas untuk menyelesaikan masalah tiada bekalan elektrik atau lampu jalan yang tidak berfungsi setelah mendapat aduan daripada pelanggan. Operasi dan kerja-kerja menyelenggara biasanya dilakukan dalam keadaan merbahaya serta keadaan cuaca yang boleh memudaratkan, namun keutamaan dari aspek keselamatan masih dititik beratkan oleh kakitangan yang bertugas.



Sarawak Energy menggunakan teknologi moden untuk memudahkan urusan dengan pelanggan

Kelestarian

Sarawak Energy cukup sedar akan impak projek-projek serta aset mereka terhadap rakyat serta kawasan sekeliling. Justeru Sarawak Energy berhasrat untuk memaksimumkan sebarang pulangan positif ketika menangani sebarang impak yang berpotensi negatif. Pelbagai program dibangunkan bersama komuniti yang menerima manfaat projek, bagi mengoptimumkan peluang sosial dan ekonomi dengan memfokus kepada pembiayaan pelajaran serta latihan kemahiran untuk peluang meningkatkan sumber pendapatan mereka.

Sarawak Energy juga mengguna pakai serta menyumbang kepada kepakaran dan amalan terbaik bertaraf global melalui beberapa perkongsian antarabangsa, termasuk:

- Ahli Platinum Persatuan Tenaga Hidro Antarabangsa (IHA), juga ahli lembaga terpilih – Projek tenaga hidro dibimbing oleh, dan selaras dengan Protokol Penilaian Kelestarian Persatuan Tenaga Hidro, selain Deklarasi Orang Asli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

- Ahli Rangkaian Kompak Global PBB Malaysia (2017), dan ahli lembaga penasihat.

- Ahli Emas Inisiatif Pelaporan Global (GRI)

Laporan Kelestarian 2016 diakui oleh GRI berdasarkan ketepatan hubungan Matlamat Pembangunan Lestari PBB dengan petunjuk relevant, dan disahkan pihak ketiga.





Naib Presiden Eksekutif untuk Perkhidmatan Korporat Aisah Eden dengan Pengurus Kelestarian Mohamad Irwan Aman di hadapan ibu pejabat PBB di New York, USA, semasa menghadiri sidang kemuncak UN Global Compact Leaders tahun ini

Matlamat Pembekalan Elektrik

Sarawak mensasarkan untuk mencapai sasaran pembekalan elektrik 100 peratus untuk 2.6 juta populasinya menjelang tahun 2025 walaubagaimanapun ini satu tugas mencabar memandangkan sebahagian daripada penduduknya tinggal di luar bandar, bertaburan di kawasan pergunungan serta sungai dan hulu sungai yang berliku.

Kerajaan Negeri mensasarkan untuk menyediakan akses bekalan elektrik 24 jam yang berterusan menerusi pelbagai strategi gabungan. Ini termasuklah melalui peluasan grid seperti Skim Pembekalan Elektrik Luar Bandar atau RES dengan talian-talian agihan yang diperluaskan daripada grid sedia ada dan Skim Bekalan Elektrik Luar Bandar atau RPSS dengan membina talian-talian transmisi dan stesen-stesen pencawang baharu di lokasi-lokasi strategik untuk peluasan grid luar bandar di bawah RES. Bagi perkampungan paling terpencil, inisiatif seperti sistem alternatif tunggal diperbaharui, misalnya solar atau mikro hidro di bawah Projek Pembekalan Elektrik Alternatif Hibrid Luar Bandar (Hybrid) dan Skim Pembekalan Elektrik Alternatif Luar Bandar Sarawak (SARES) dilaksanakan.

Seiring Dengan Negeri Untuk Membina Masa Hadapan Yang Lebih Baik

Sebagai rakan kongsi yang komited untuk membina masa hadapan yang lebih baik menerusi visi Kerajaan Negeri untuk membangunkan ekonomi digital, Sarawak Energy telah menerajui inisiatif seperti penyelidikan berkaitan tenaga hidrogen dan aplikasi sel-sel bahan api untuk pengangkutan awam di negeri ini.

Revolusi digital ini juga dilaksanakan di peringkat perniagaan utiliti Sarawak Energy dengan pelaksanaan aplikasi-aplikasi digital di beberapa bahagian penjanaan, operasi dan peruncitan. SEB Cares adalah aplikasi bergerak untuk memperkayakan lagi pengalaman pelanggan kami. Menguji meter pintar bagi mengurangkan kebergantungan kepada bacaan visual.
Potensi aplikasi-aplikasi elektronik termasuk grid pintar, peralatan produktiviti digital untuk kakitangan dan automasi proses-proses pejabat.



Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Haji Johari Tun Abang Haji Openg semasa sidang akhbar mengumumkan Sarawak Energy menerajui penyelidikan hidrogen dan sel bahan api. Dari kiri Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Bin Haji Abdul Ghani; Menteri Utiliti, Dato Sri Dr Stephen Rundi; Pengerusi Sarawak Energy, Datuk Amar Abdul Hamed Sepawi dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sarawak Energy, Sharbini Suhaili.

Mendekati Masyarakat Umum

Sarawak Energy mendekati masyarakat umum dan pihak yang berkepentingan menerusi pelbagai landasan termasuklah media massa tradisional serta media atas talian dan sosial.


Facebook @SarawakEnergy
Twitter @1SarawakEnergy
Laman sesawang: sarawakenergy.com.my

Sebagai entiti umum yang tidak disenaraikan, Sarawak Energy tidak tertakluk kepada keperluan-keperluan pendedahan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Bagaimanapun, perbadanan ini terus menerbitkan laporan-laporan tahunan termasuk laporan lestari tahunan secara sukarela.

Laporan Tahunan 2015 telah dianugerahkan pingat gangsa semasa Anugerah Laporan Australasian (ARA) yang telah diadakan di Melbourne pada bulan Jun tahun ini - ia merupakan pengiktirafan antarabangsa pertama Sarawak Energy untuk laporan tahunannya.

ARA menawarkan kepada organisasi yang mengeluarkan laporan tahunan dengan peluang untuk menanda aras laporan berdasarkan amalan baik dunia.

Sarawak Energy merupakan di antara syarikat di rantau ini yang memenuhi kriteria ketat ARA, dengan menyediakan liputan memuaskan dan menampilkan pendedahan berkualiti.





Alexander Chin, Ketua Eksekutif Kewangan menerima daripada Eric Yong, Pengurus Kanan, Kumpulan Kewangan dan Perakaunan di Melbourne.

Sarawak Energy Excellence 2020 Key Focus Areas



Ke Arah Kecemerlangan Sarawak Energy Menjelang 2020 – Budaya Korporat Progresif

Bagi menyokong visi Kerajaan Negeri untuk menjadi sebuah negeri yang membangun dan berpendapatan tinggi menjelang 2030 berlandaskan Ekonomi Digital, Sarawak Energy telah mengubah daripada utiliti stabil dan tradisional, kepada organisasi bertaraf antarabangsa, moden dan cekap.

Sebahagian daripada strategi pelan tindakan berterusan dan mampan, Sarawak Energy telah melabur di dalam pembangunan sumber manusia dan melancarkan strategi pertumbuhan fasa seterusnya bagi menyatu dan melindungi nilai-nilai yang telah diwujudkan sebelum ini. Dengan memfokus kepada Kecemerlangan pada lima Fokus Utama – Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar, Operasi, Penyampaian Projek, Pengurusan Bakat dan Budaya Prestasi Tinggi.

sarawak energy